

Bantah projek tambak laut

PULAU PINANG 9 April - Projek tambak laut berskala besar yang bakal dilaksanakan Kerajaan DAP Pulau Pinang di muara Sungai Pinang, Tanjung Tokong di sini, akan menjejaskan kabel tenaga dasar laut berhampiran Butterworth.

Membangkitkan kebimbangan itu, Penasihat Citizen Awareness Chant Group (Chant), Yan C. Lee berkata, projek tersebut juga dikhuatiri akan menjejaskan ekosistem laut dan kehidupan marin.

Katanya, menurut beberapa maklumat dalaman, tiada perancangan yang jelas tentang bagaimana projek berkenaan akan dilakukan tanpa mengganggu kabel dasar laut berkenaan.

"Selepas membuat pendedahan baru-baru ini, kerajaan negeri terus membisu dan tidak menjelaskan kepada rakyat tentang perkara itu sedangkan semakin banyak persoalan dibangkitkan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Sebelum ini, Chant mendedahkan, negeri ini bakal berhadapan dengan kemusnahan ekosistem



YAN C. LEE menunjukkan kawasan laut yang bakal ditambak untuk mencari dana membiayai projek Pelan Pengangkutan Negeri yang dibimbangi menjejaskan kabel tenaga dasar laut dalam sidang akhbar di Pulau Pinang, semalam.

laut yang serius sekiranya projek menambak laut seluas 56 hektar di muara Sungai Pinang itu diteruskan.

Tender projek itu telah dibuka oleh Kerajaan DAP Pulau Pinang, antara lain bertujuan mencari dana berjumlah RM27 bilion bagi mem-

biayai pelan pengangkutan negeri.

C. Lee berkata, projek tersebut yang meliputi kawasan terletaknya stesen kabel dasar laut berkenaan jika diteruskan akan memakan kos sangat tinggi kerana perlu mengalihkan lokasi stesen terbabit.